

28/11/1999

Rakyat perlu pilih kesejahteraan negara

Rejal Arbee

ESOK lebih sembilan juta rakyat layak keluar mengundi untuk memilih kerajaan baru yang akan menerajui negara memasuki alaf baru. Sejak mulanya kempen rasmi berikutan penamaan calon Sabtu lalu pengundi sudah disogok dengan pelbagai keterangan dan penjelasan daripada pelbagai calon yang bertanding mahu pun oleh penyokong mereka kenapa seseorang calon atau parti yang mereka menganggotai harus dipilih. Ada pengundi yang mungkin membuat pilihan berdasarkan calon yang bertanding tetapi pada kebiasaannya ramai akan memilih parti.

Walaupun kempen secara rasmi hanya bermula selepas penamaan calon, kempen tidak rasmi khususnya oleh penyokong Pas sudah berlanjutan lebih dahulu lagi. Kempen untuk menghakiskan kepercayaan terhadap kerajaan ini mendapat nafas baru menerusi golongan yang menyebut diri mereka puak reformasi dengan mengubah corak kepada gerakan menimbulkan kebencian terhadap kerajaan khasnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan Umno. Parti Keadilan juga ditubuhkan dalam suasana demikian. Puak ini mencetuskan beberapa tunjuk perasaan yang bertukar menjadi ganas dengan harapan kekacauan yang ditimbulkan itu akan membawa kepada pengunduran Dr Mahathir sebagaimana berlaku di Indonesia menerusi apa yang mereka panggil sebagai gerakan reformasi.

Usaha mencetuskan kebencian rakyat terhadap kerajaan yang dituduh sebagai zalim ini dilangsungkan secara terus menerus melalui pelbagai cara, ceramah dan kuliah agama hinggakan waktu solat tarawih dalam bulan puasa yang lalu. Kempen membenci ini agak berleluasa dilakukan melalui pelbagai laman web yang kini sudah bertukar corak dijadikan sebagai medium baru surat layang. Melalui laman web ini sesiapa saja boleh membuat apa saja tohmahan dan tuduhan tanpa siapa pun boleh mengesan kesahihan sesuatu tulisan atau orang yang membuat tuduhan. Laman-laman web itu yang mulanya dilaksanakan untuk tujuan baik bagi mengedarkan maklumat untuk faedah sejagat kini bertukar corak hinggakan laman-laman web reformasi dan keadilan serta beberapa laman web lainnya kini beroperasi sebagai kilang pengeluaran surat layang.

Esok rakyat akan membuat pilihan mereka. Apakah isu sebenarnya yang harus dipertimbangkan oleh pengundi?

Berikutan dengan penamaan calon Sabtu lalu gambaran yang diberikan kepada pengundi adalah pilihan raya kali ini seolah-olah satu pertarungan di antara Barisan Nasional dan barisan pembangkang yang bersatu dan sepakat. Dan pertubuhan ini mereka namakan sebagai barisan alternatif. Pakatan ini dengan sendirinya menunjukkan puak pembangkang mengiktiraf formula yang sudah lama diperjuangkan oleh BN. Pakatan pembangkang ini juga mahu memberi gambaran ia adalah satu gandingan yang utuh yang boleh bertindak sebagai alternatif kepada BN untuk membentuk satu kerajaan baru. Tetapi pada hakikatnya apakah ini yang sebenarnya berlaku?

Daripada tindak tanduk pemimpin pusat parti-parti yang menganggotai pakatan itu - Pas, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia - jelas sekali mereka hanya dapat bekerjasama untuk tidak meletakkan calon masing-masing di dalam sesuatu kawasan pilihan raya bagi mengelakkan mereka berlawan sesama mereka di samping menentang BN. Ini lebih mirip kepada suatu electoral pact saja. Walaupun keempat-empat parti itu berjaya mengeluarkan satu manifesto bersama dan berjaya mengadakan perlawanan satu lawan satu dengan BN di semua kawasan baik bagi Parlimen mahupun dewan undangan

negeri, kerjasama mereka jelas hanya setakat itu saja.

Dan walaupun matlamat utama mereka ialah untuk menjatuhkan kerajaan BN dengan berangan-angan untuk menubuhkan kerajaan, hasrat ini nampaknya hanya terdapat di kalangan beberapa orang pemimpin dan penyokong Pas saja. Keadilan pula berangan-angan besar untuk memenangi pilihan raya ini bagi membolehkan mereka menabalkan Anwar sebagai Perdana Menteri, suatu perjuangan yang mereka laung-laungkan waktu gerakan reformasi mereka setahun dulu, suatu impian yang dianggap mirip kepada angan-angan mencapai langit. Hanya DAP yang menjejak kaki ke bumi apabila pada awal-awal lagi telah mengakui mereka tidak mungkin dapat menubuhkan kerajaan. Harapan mereka hanyalah untuk menyekat BN daripada memperoleh lebih daripada 2/3 kerusi di Parlimen sebagaimana juga matlamat mereka pada pilihan raya 1995 dulu.

Persoalannya manakah parti yang dipilih nanti boleh mentadbir negara dengan baik dan menentukan arus pembangunannya akan terus mantap? Apakah parti yang dipilih itu mempunyai barisan pemimpin yang berwibawa dan berwawasan untuk membawa negara memasuki alaf baru dengan penuh yakin untuk menghadapi cabaran dalaman dan luaran.

Daripada senarai calon puak pembangkang nyata tidak ramai yang kelihatan berwibawa untuk memimpin hinggakan tidak ada yang sanggup untuk menerajui kerajaan. Itulah sebabnya mereka perlu menamakan Anwar sebagai Perdana Menteri. Hal ini memang janggal memandangkan beliau kini sedang menjalani hukuman penjara yang sekali gus tidak melayakkannya menjadi seorang anggota Parlimen sekurang-kurangnya untuk 10 tahun lagi.

Apakah pilihan yang ada di tangan pengundi? Di satu pihak suatu barisan parti yang sudah pun teruji kemampuannya untuk mentadbir negara demi kesejahteraan rakyat manakala lawannya juga mahu dipanggil barisan yang digembar-gemburkan sebagai alternatif kepada BN tetapi tiada mempunyai dasar dan ciri-ciri yang menunjukkan mereka boleh bekerjasama walaupun menghadapi pilihan raya apatah lagi untuk bersatu membentuk kerajaan.

BN telah pun membuktikan ia adalah suatu parti yang sejak merdeka menunjukkan kemampuannya membangunkan negara dengan begitu pesat sekali walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan berjaya pula mewujudkan perpaduan rakyat di samping meningkatkan taraf hidup mereka hingga ke ambang tahap taraf maju. Atau pembangkang yang hanya berangan-angan besar tetapi tidak pun dapat sepakat dalam menghadapi pilihan raya jauh sekali untuk membentuk kerajaan dan menerajui negara.

Persoalan yang harus dipertimbangkan apakah jenis kerajaan yang dapat puak yang berbeza matlamat ini boleh bentuk? Memanglah barisan pembangkang ini ada mengeluarkan manifesto mereka yang berkajang panjangnya yang agak rhetorical dan banyak memainkan perkataan, ditambah janji-janji lunak yang tidak praktikal. Tetapi mampukah mereka membentuk kerajaan yang berwibawa dan berwawasan seperti yang telah jelas dibuktikan BN?

Pilihan raya memberikan kuasa kepada rakyat untuk memilih kerajaan yang mereka mahu memerintah negara. Pemilihan kali ini bukan saja untuk menentukan kerajaan negara bagi lima tahun pertama di alaf 2000 bahkan juga akan menentukan kesejahteraan negara dan generasi yang akan datang. Inilah persoalan yang harus menjadi pertimbangan para pengundi.

(END)